

**NO. SOALAN: 31**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS  
[ JERANTUT ]**

**TARIKH : 23 NOVEMBER 2015**

**RUJUKAN : 8277**

**SOALAN:**

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan adakah pihak Kerajaan bersedia  
mengubal undang-undang yang boleh mengganggu gugat  
keselamatan dan kedaulatan negara.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pihak Kerajaan sentiasa prihatin dengan isu keselamatan dan kedaulatan negara dan telah menggubal undang-undang yang berkaitan bagi melindungi keselamatan negara daripada diancam oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.**

**Dalam hubungan tersebut, baru-baru ini Kerajaan telah menggubal undang-undang Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA) dan Akta Langkah-Langkah Khas Menangani Keganasan di Luar Negara 2015 (SMATA) bagi tujuan melindungi Malaysia dan rakyatnya dari ancaman militan.**

**Selain itu juga, Kerajaan telah memperkasakan undang-undang sedia ada dengan membuat pindaan kepada undang-undang yang berkaitan bagi melindungi kepentingan rakyat Malaysia khususnya Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) dan Kanun Keseksaan pada sesi Parlimen yang lepas.**